

FAQ 2018/2019

1. Apakah dokumen yang perlu dibawa?

1. Surat tawaran
2. Kad Pengenalan
3. Slip BSN bagi bayaran yuran pendaftaran
4. Salinan Akaun Bank Rakyat
5. Gambar berukuran passport (4 keping)
6. Sijil - sijil dan salinan sijil yang berkaitan (seperti di dalam Buku Dokumen Pelajar)
7. Borang Maklumat Pelajar BMKPM/02 – Boleh dimuat turun dari Laman Sesawang KMPP.
8. Borang Perjanjian Pelajar – Boleh dimuat turun dari Laman Sesawang KMPP.

2. Bagaimana prosedur pendaftaran dilakukan?

- Pelajar dikehendaki berpakaian kuliah dan kemas semasa pendaftaran. Sesi fotografi untuk kad matrik juga akan diadakan semasa pendaftaran.
- Rujuk Etika Pakaian di dalam Laman Sesawang KMPP.
- Bawa bersama pelajar:-
 1. Surat tawaran
 2. Kad pengenalan
 3. Slip BSN-bayaran yuran pendaftaran
 4. Salinan Akaun Bank Rakyat yang memaparkan nama Pemegang Akaun dan No. Akaun.
- Adalah penting bagi semua pelajar agar mengikut sesi pendaftaran yang telah ditetapkan iaitu pada **23 Mei 2018 (Pelajar Lelaki) jam 8.00 pagi - 12.30 t/hari** dan **24 Mei 2018 (Pelajar Perempuan) jam 8.00 pagi - 12.30 t/hari**.

3. Bilakah surat tawaran akan dihantar ?

- Surat tawaran dari Bahagian Matrikulasi boleh di **muat turun dan dicetak** oleh pelajar dari laman web Bahagian Matrikulasi (<http://www.moe.gov.my/bmkpm>)

4. Apakah tindakan segera yang perlu dilakukan apabila mendapat tawaran?

Tindakan segera:

Berikut adalah disenaraikan perkara-perkara yang perlu diambil tindakan oleh pelajar sebelum mendaftar diri ke Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

1. Baca dengan teliti Panduan Pendaftaran Program Matrikulasi serta Syarat-syarat Tawaran ke Program Matrikulasi.
2. Cetak Surat Tawaran dan dokumen-dokumen berkaitan.
3. Buat pembayaran secara `Bank-in` di BSN sahaja dan simpan slip bayaran untuk dikemukakan semasa pendaftaran.
4. Buka Akaun Bank Rakyat bagi pelajar yang tidak mempunyai akaun tersebut. Bagi pelajar yang telah mempunyai Akaun Bank Rakyat anda dinasihatkan supaya mengaktifkan semula akaun anda sekiranya tidak aktif .
5. Buat salinan muka hadapan buku/penyata/slip Akaun Bank Rakyat yang jelas **menunjukkan nombor akaun** simpanan dan nama anda.
6. Lengkapkan semua borang-borang penting termasuk Buku Dokumen Pendaftaran, Borang Maklumat Pelajar BMKPM/02 dan Borang Perjanjian.
7. Sediakan 2 keping SETEM HASIL dan perlu dimatikan setem sebelum mendaftar, setiap satu bernilai RM10.00 untuk tujuan melengkapkan Borang Perjanjian dan Pembiayaan Pelajar Matrikulasi.

8. Sediakan keperluan peribadi dan kekemasan diri seperti yang ditetapkan di dalam Buku Panduan Pendaftaran Program Matrikulasi

5. Adakah saya perlu membeli peralatan dan keperluan harian yang diperlukan semasa di KMPP nanti?

- Anda boleh membelinya sebelum hari pendaftaran. Pastikan semua keperluan disediakan sebelum anda datang mendaftar. Anda juga boleh mendapatkan keperluan tersebut di kedai serbaneka dan gerai-gerai jualan yang telah disediakan di KMPP. Kami memohon kerjasama anda agar tidak membeli di luar kolej semasa hari pendaftaran. Ini adalah untuk mengelakkan dari berlakunya kesesakan lalulintas.

6. Apakah kadar yuran pendaftaran yang perlu dibank-inkan?

Jurusan	Program Satu Tahun	Program Dua Tahun
Sains	RM499.64	RM499.64
Perakaunan	RM466.64	TIADA

- Bayaran dikaunter BSN ke akaun **No : 0710029000318157, Kolej Matrikulasi Pulau Pinang**

7. Apakah Nombor Akaun BSN KMPP?

- No Akaun Bank Simpanan Nasional KMPP: **0710029000318157**

8. Apakah keperluan minimum peribadi yang perlu dibawa?

Pelajar Lelaki		
1	Kemeja berlengan panjang	3 helai
2	Seluar panjang (slack) berwarna gelap	3 helai
3	Tali Leher	2 helai
4	Baju Melayu (Pelajar Islam)	1 pasang
5	Songkok (Hitam Sahaja - Pelajar Islam)	1 buah
6	Pakaian Sembahyang (Pelajar Islam)	2 pasang
7	Baju T berkolar	3 helai
8	Bantal	1 biji
9	Selimut	1 helai
10	Kasut / PVC	1 pasang
11	Kasut Sukan	1 pasang
12	Sarung kaki	3 pasang
13	Seluar trek	2 helai
14	Sarung bantal dan cadar	1 pasang
15	Keperluan peribadi yang lain (boleh didapati di kedai Serbaneka atau gerai jualan di KMPP)	
Pelajar perempuan		
1	Pakaian (Sopan dan Kemas) : Baju kurung	3 pasang
2	Pakaian Sembahyang (Pelajar Islam)	2 pasang
3	Baju T berkolar dan berlengan panjang	

serta item 8 - 14 seperti untuk pelajar lelaki

9. Apakah yang pakaian yang dilarang dipakai

- Seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali dipakai di dalam kolej atau semasa waktu outing.
- Jubah tidak dibenarkan pakai semasa waktu Kuliah iaitu dari 8.00pagi sehingga 5.00 petang.

10. Pemeriksaan Kesihatan (Medical Check-up)

- Pemeriksaan kesihatan (Medical checkup) hanya perlu dibuat oleh pelajar yang mempunyai penyakit kronik atau sebarang penyakit yang perlu dimaklumkan kepada pihak kolej. Surat pengesahan doktor berkenaan penyakit juga perlu dilampirkan.

11. Pertukaran Jurusan

Jurusan	Peringkat Kelulusan	Dokumen Sokongan
Jurusan Sains Modul I / Modul II / Modul III	Kolej Matrikulasi	(i) Isi borang
Jurusan Sains ke Jurusan Perakaunan	Kolej Matrikulasi	(ii) Surat Kebenaran Ibubapa /Penjaga
Jurusan Sains ke Jurusan Teknikal	BMKPM Putrajaya (melalui Kolej Matrikulasi)	(iii) Salinan Keputusan SPM
Program Satu Tahun ke Program Dua Tahun	Kolej Matrikulasi	(iv) Laporan Maklum Balas Sesi Kaunseling
Program Dua Tahun ke Satu Tahun	BMKPM Putrajaya (melalui Kolej Matrikulasi)	

11. Sekiranya pelajar kembar dan inginkan mendaftar di matrikulasi yang sama/pertukaran Kolej Matrikulasi?

- Boleh mendapat kebenaran dari BMKPM melalui surat permohonan pertukaran ataupun telefon(03-88844083; Bahagian Pengambilan & Penempatan Pelajar).

Syarat	Peringkat Kelulusan	Dokumen Sokongan
1. Adik beradik dan kembar	BMKPM Putrajaya	i. Borang permohonan ii. Surat Akuan/permohonan Ibubapa/Penjaga iii. Salinan Kad Pengenalan (kedua-dua beradik / kembar)
2. Masalah Kesihatan Pelajar (Kronik)	BMKPM Putrajaya	i. Borang permohonan ii. Surat Akuan/permohonan Ibubapa/Penjaga

		iii. Akuan atau laporan kesihatan daripada Klinik Kesihatan Kerajaan/Hospital Kerajaan/Hospital Pakar Sahaja
3. Ibumama bertukar tempat kerja	BMKPM Putrajaya	i. Borang permohonan ii. Surat Akuan/permohonan Ibumama/Penjaga iii. Akuan Majikan
<ul style="list-style-type: none"> • Borneo - Semenanjung • Semenanjung - Borneo 		

12. Mohon mendaftar lambat?

- Tidak boleh.
- Sekiranya sakit dan masih berada di hospital, mohon buat surat rayuan kepada BMKPM Putrajaya melalui Pengarah Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
- Faks : 04-5757597 @ pos.
- (Sertakan surat rasmi nama, no. kad pengenalan, sebab dan nombor telefon sebagai bukti hantar sebelum hari pendaftaran).

13. Sekiranya sedang menjalani latihan PLKN?

- Mohon pelajar tangguh dari PLKN
- Tunjukkan surat tawaran dan slip pembayaran yuran kepada pihak PLKN kemudian daftar pengajian

14. Adakah semua pelajar akan dapat elaun wang saku?

- Tidak
- Elaun Wang Saku hanya diberikan mengikut jumlah pendapat keluarga yang bawah RM10000